

13 NOV 1996

Parlimen-Anwar (YTL)

PELABURAN KHAZANAH TERJAMIN DALAM PEMBELIAN CEPA, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Khazanah Nasional Bhd menetapkan beberapa syarat yang perlu dipenuhi YTL Corporation Bhd sebelum badan pelaburan kerajaan itu bersetuju membiayai AS\$1,000 juta (RM2,500 juta) sebagai sebahagian daripada harga pembelian syarikat Consolidated Electric Power Asia Limited (CEPA), yang berpangkalan di Hong Kong.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, antara syarat itu ialah YTL perlu membatalkan penyertaan CEPA di Bursa Saham Hong Kong dan menyenaraikannya di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Langkah itu bertujuan memastikan rakyat Malaysia juga menikmati keuntungan daripada pelaburan berkenaan. Ini juga bermakna soal Khazanah melabur di Hong Kong tidak berbangkit," kata Anwar, yang juga Menteri Kewangan, ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1997 bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

YTL bercadang memasukkan modal CEPA ke dalam YTL Power International, sebuah syarikat yang ditubuhkan untuk menjaga kepentingannya dalam penjanaan tenaga.

Bagaimanapun, cadangan pembelian itu telah dibatalkan apabila pemegang saham utama CEPA dan jutawan Hong Kong, Gordon Wu tidak dapat memberi jaminan kukuh untuk menyokong tawaran YTL.

Anwar berkata, walaupun pembelian itu telah dibatalkan, Khazanah akan terus melabur dalam projek-projek tempatan dan luar negara jika ia boleh menjadi pemangkin kepada ekonomi Malaysia.

Ketika menerangkan latarbelakang cadangan pembelian itu yang telah menjadi isu hangat di Dewan Rakyat ketika perbahasan mengenai Belanjawan 1997, Anwar berkata, syarat lain ialah YTL International, syarikat induk yang dijangka menguasai CEPA, perlu mempunyai kedudukan kewangan lebih kukuh daripada pemegang saham utama CEPA sekarang -- Hopewell Holdings -- yang dimiliki Wu.

Katanya, YTL yang mula-mula menjemput Khazanah supaya membantunya membiayai pembelian CEPA.

Bagaimanapun, cadangan asal YTL tidak diterima kerana Khazanah mahukan beberapa syarat dimasukkan dalam persetujuan pembiayaan itu bagi menjamin pelaburannya.

Jika cadangan itu berjaya, ia akan membawa kepada kewujudan sebuah syarikat gergasi penjanaan tenaga di Asia yang berupaya menjana 10,000 megawatt (MW) elektrik dan kapasitinya boleh dipertingkatkan kepada 20,000 MW, katanya.

Menurut Anwar, YTL kemudian kembali dengan cadangan lain yang mengandungi syarat-syarat termasuk pembayaran dividen sebanyak 10 peratus kepada Khazanah, wang pembiayaan hanya boleh digunakan untuk membeli CEPA dan kebenaran untuk menyenaraikan CEPA di BSKL mesti diperolehi daripada Suruhanjaya Sekuriti.

Katanya, Khazanah memasukkan kesemua syarat itu dengan tujuan untuk menjamin pulangan daripada pelaburannya.

Ketika menjawab pertanyaan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) mengenai penglibatan Tun Daim Zainudin dalam cadangan pembelian CEPA, Anwar berkata, penasihat ekonomi kerajaan itu langsung tidak campurtangan.

Katanya, apabila YTL mempelawa Khazanah menyertainya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku pengerusi badan pelaburan kerajaan itu dan beliau, selaku timbalan pengerusi, telah mengarahkan penubuhan

sebuah pasukan untuk mengkaji daya maju cadangan berkenaan.

Pasukan yang diterajui Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Clifford Herbert and anggota lembaga Khazanah, Tan Sri Rashid Hussain telah mengembalikan cadangan YTL itu dengan menyertakan syarat-syarat yang perlu dipenuhi, katanya.

"Apabila YTL mengemukakan cadangan baru yang mengandungi syarat-syarat itu, barulah Perdana Menteri dan saya membenarkan Khazanah membantu YTL dari segi pembiayaan," katanya.

-- BERNAMA

MR AH AHH